

Bahasa Iban penghubung etnik Sarawak

Sarawak mempunyai masyarakat yang pelbagai suku kaum dengan bahasa ibunda berbeza-beza. Setiap suku kaum di Sarawak, iaitu utamanya Melayu, Iban, Cina dan Melanau berkomunikasi antara mereka setiap hari. Tentu sahaja mereka mempunyai satu bahasa yang dipilih dan dapat digunakan untuk berhubung antara satu sama lain.

Dalam masyarakat terdiri daripada pelbagai suku kaum, komunikasi harian memerlukan mereka buat pilihan bahasa untuk digunakan antara mereka. Bahasa yang dipilih itu mestilah bahasa yang difahami bersama, paling meluas digunakan dan menjadi milik satu suku kaum itu.

Dalam penentuan bahasa penghantar atau lingua franca antara pelbagai suku kaum di Sarawak, ia dirujuk melalui kecenderungan penggunaan satu bahasa utama yang dipilih sebagai bahasa komunikasi dengan kerangka penggunaan satu bahasa sebagai bahasa perantara atau lingua franca dalam komuniti berkenaan sebagai satu keperluan yang tidak boleh ditiadakan.

Lingua franca

Sememangnya ada beberapa pihak bersetuju dengan menganggap bahasa Melayu 'dian-daikan' berperanan sebagai lingua franca antara masyarakat di Malaysia termasuk di Sarawak. Dalam hal ini, tidak dinafikan bahasa Melayu di Sarawak masih digunakan dengan meluas. Andai kata bahasa Melayu juga adalah lingua franca di Sarawak, ia perlu merujuk kepada kecenderungan pilihan bahasa, keluasan peranan dan penggunaannya dalam urusan seharian suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau secara keseluruhannya.

Kajian penulis pada (2011 dan 2013) mendapati suku kaum Melayu cenderung memilih dialek Melayu Sarawak sebagai pilihan utama dan bahasa Iban sebagai pilihan kedua ketika berinteraksi sesama Melayu, juga dengan suku kaum Iban, Cina dan Melanau. Suku kaum Iban pula cenderung untuk memilih satu bahasa sahaja, iaitu bahasa Iban ketika berinteraksi sesama Iban, Melayu, Cina dan Melanau.

Suku kaum Cina juga mempunyai kecenderungan tinggi menggunakan bahasa Iban dengan suku kaum yang lain kecuali memilih bahasa Cina

apabila berinteraksi sesama Cina. Berbeza dengan pilihan bahasa suku kaum Melanau kerana mereka memilih dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa utama, termasuk juga ketika mereka berinteraksi sesama Melanau.

Secara keseluruhannya, pilihan bahasa Iban oleh suku kaum yang pelbagai di Sarawak sangat menepati ciri-ciri lingua franca. Bahasa Iban sudah dibuktikan oleh pilihan bahasa yang utama bagi suku kaum Melayu, Iban dan Cina. Bahasa Iban sudah digunakan di mana-mana sahaja di Sarawak seperti di Sri Aman, Sibui, Sarikei, Kapit, Betong, Saratok, Bintulu dan Miri. Bahkan, bahasa Iban digunakan di semua tempat di Sarawak.

Sangat difahami

Bahasa Iban sangat difahami tanpa menimbulkan masalah kepada pendengar dalam semua aktiviti kehidupan seharian seperti di kawasan keji-ranan, di kedai atau tempat membeli-belah, ketika beriadah, termasuk juga di bank, klinik dan hospital. Bahasa Iban dapat melancarkan komunikasi pelbagai suku kaum.

Bahasa Iban bukan sekadar satu bahasa yang paling cenderung digunakan dalam perhubungan mereka seharian, tetapi juga sebagai keperluan yang tidak boleh ditiadakan dalam masyarakat majmuk di Sarawak.

Di negeri ini, bahasa Iban adalah bahasa perhubungan yang tidak mempunyai sempadan. Bahasa Iban digunakan sebagai lingua franca secara tidak terancang (spontan) walaupun penuturnya bukan daripada keturunan Iban.

Lingua franca bahasa Iban di Sarawak secara tidak langsung dapat menyatupadukan semua suku kaum terutama Melayu, Iban, Cina dan Melanau untuk hidup bersama dalam keadaan yang harmoni dan bersatu.

Sejak dahulu lagi bahasa Iban sebagai lingua franca yang utama digunakan untuk hidup bersama dan bergaul secara konsisten sehingga penggunaan bahasa Iban itu menjadi mudah untuk digunakan seperti tidak wujud adanya pelbagai etnik berbeza bahasa ibunda di Sarawak.



Penulis

ialah pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



AMMAD
ANDI
ZIN



DR MOHAMMED
AZLAN MIS